

AMALAN-AMALAN DAN MASALAH-MASALAH PENANAMAN PADI :
SATU KAJIAN DI MUKIM TANJUNG PIANDANG, KRIAN, PERAK.

oleh

OH SEONG WENG

Latihan Ilmiah ini adalah untuk memenuhi
keperluan Ijazah Sarjana Muda
dalam bidang Geografi

Penyelia

Dr. K.U. Sirinanda

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
(Sessi 1983/84)

Abstrak

Latihan ilmiah ini adalah mengenai aktiviti-aktiviti bendang dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam padi semasa menjalani aktiviti pertanian mereka. Perbincangan ini adalah berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan di kawasan Tanjung Piandang di negeri Perak pada bulan Mei dan Jun 1983.

Saiz purata bendang di Tanjung Piandang ialah 2.8 ekar. Enam puluh tujuh peratus dari penanam-penanam padi mempunyai kurang dari tiga ekar tanah bendang. Pemecahan tanah bendang adalah jelas di sini yang telah mengakibatkan 50.4% dari penanam-penanam padi mengusahakan lebih dari satu keping tanah bendang. Mengenai pemilikan tanah, 62% dari penanam-penanam padi ialah pengusaha pemilik, diikuti oleh pemilik-penyewa dan akhir sekali penyewa.

Kekerapan penanaman di sini ialah tiga tanaman dalam dua tahun dan hasil purata ialah lebih kurang 482 gttg. seekar. Hasil ini adalah sederhana sahaja jika dibandingkan dengan lain-lain kawasan pengeluaran padi di Malaysia. Mengenai penggunaan tenaga buruh, tenaga buruh upah dan buruh bercorak "derau" adalah lazim digunakan dalam peringkat menanam, manakala bayaran untuk buruh upah dalam penuaian selalunya dalam bentuk "sepuluh-dua", di mana 71.9% dari penanam-penanam padi telah dilaporkan menggunakan cara ini.

Air dalam merupakan masalah utama yang dihadapi oleh penanam-penanam padi di kawasan ini. Oleh itu, jentera-

jentera tidak boleh digunakan untuk kerja bendang dan akibatnya semua peringkat kerja terpaksa dilakukan dengan tangan. Berhubungan dengan masalah air dalam, semaian perlu disediakan dua kali; pertamanya di semai rakit dan diikuti oleh semai sekunder sebelum menanam dijalankan.

Mengenai kredit pula, 60% dari penanam-penanam padi memperoleh kredit dari ejen-ejen padi, walaupun terdapat Pertubuhan Peladang di Tanjung Piandang. Pergantungan yang kuat kepada ejen-ejen padi untuk pemasaran padi juga jelas di mana 70.2% dari penanam-penanam padi menjual hasil mereka kepada ejen-ejen padi ini.

Akhir sekali, adalah dirumuskan bahawa dengan penyelesaian Projek Pembangunan Pertanian Krian/Sg. Manik, kebanyakan dari masalah-masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam padi akan dikurangkan ke suatu tahap, tetapi untuk memastikan suatu peningkatan dalam daya pengeluaran penanaman padi, penanam-penanam padi sendiri perlu mengubah sikap dan perspektif mereka ke suatu horizon yang lebih luas.

Abstract

This graduation exercise is concerned with the farm activities and the problems faced by padi farmers in the course of their agricultural activities. The discussion is based on a study which was carried out in the Tanjung Piandang area in Perak during the month of May and June 1983.

The average size of padi farms in Tanjung Piandang is 2.8 acres. Sixty seven per cent of the farmers have less than three acres of padi land. Fragmentation of padi land is evident here resulting in 50.4% of the farmers operating more than one parcel of farm land. With regards to land tenure, 62% are owner operators followed by owner-tenants and finally tenants.

The planting frequency here is three crops in two years and the average yield is about 482 gtgs. per acre. This yield is only average if compared to other padi producing areas in Malaysia. With regards to labour utilization, hired labour and labour in the form of "derau" is common in the transplanting stage, whereas payment of wages for hired labour in harvesting is usually in the formula "sepuluh-dua", where 71.9% of the farmers reported using this method.

Deep water is the main problem faced by farmers in this area. As such, machines cannot be utilized for farm work, and as a result of this all stages of work had to be carried out manually. In relation to the deep water

problem, nurseries had to be prepared twice; firstly in a floating nursery and then followed by a secondary nursery before transplanting takes place.

With regards to credit, 60% of the farmers resorted to padi agents for loans, even though there is a Farmers Association in Tanjung Piandang. The heavy dependence on padi agents for the marketing of padi is also clear whereby 70.2% of the farmers sell their produce to them.

Finally, it is concluded that upon completion of the Krian/Sg. Manik Agricultural Development Project, most of the problems faced by the farmers will be alleviated to a certain extent, but to ensure an increase in the productivity of padi cultivation, the farmers themselves have to change their attitudes and perspectives to a wider horizon.